

Pakej kehidupan asas promosi alam sekitar

BH
12/4

BERBASIKAL atau menaiki kenderaan awam ke tempat kerja, membayar bil pembetulan dan mengitar semula sampah adalah sebahagian amalan mesra alam yang tercerna daripada minda lestari kelas pertama. Minda kelas pertama ini bermaksud pemikiran dan sikap yang progresif, maju dan proaktif yang membentuk budaya dan amalan hidup berkualiti yang setanding bangsa dan negara maju.

Seperti bidang lain, pelestarian alam sekitar tidak akan berjaya tanpa dokongan masyarakat yang memiliki minda kelas pertama. Pada hemat saya, minda masyarakat Malaysia ketika ini masih terkebelakang dalam soal pelestarian alam sekitar, apatah lagi jika diukur dari segi keprihatinan terhadap isu global seperti peningkatan suhu bumi dan perdagangan karbon. Keprihatinan terhadap alam sekitar masih berada pada tahap awalan. Itupun ekoran daripada pelbagai masalah alam sekitar yang mendapat liputan luas pihak media sejak kebelakangan ini, khususnya dari segi kualiti sumber air sungai yang menjejaskan bekalan air minuman dan jerebu akibat pembakaran terbuka.

Hakikatnya masyarakat kita masih jauh daripada memupuk minda lestari kelas pertama yang menjadi teras dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Masih ramai yang tidak berasa bersalah membuang sampah, merokok di khalayak ramai, mencemar sungai dan menebang pokok. Tidak ramai di kalangan kita yang prihatin, atau sanggup menjadi pencinta, pejuang dan wira untuk memastikan alam sekitar tidak dicemari.

Berapa ramai di kalangan kita yang sanggup mengorbankan masa dan kerjaya semata-mata untuk memberi sumbangan kepada inisiatif pelestarian alam sekitar? Berapa ramai yang bersedia membayar perkhidmatan berkaitan alam sekitar seperti pembetulan dan pengurusan sampah yang lebih tinggi untuk memastikan kualiti dan keberkesannya dapat ditingkatkan? Apakah ada individu yang bersedia, sanggup dan berani tampil memberi maklumat kepada pihak berkuasa berkaitan kegiatan yang mencemarkan alam sekitar? Jawapan kepada soalan itu menjadi sebahagian pengukur kepada tahap kelestarian minda sesebuah masyarakat.

Dalam konteks pendidikan alam sekitar, pelbagai usaha dan promosi dilakukan pelbagai pihak, sejak sekian lama dengan biaya yang tidak sedikit. Malangnya, kesannya tidaklah begitu ketara walaupun kita tidak menafikan ada juga hasilnya dalam beberapa aspek tertentu. Jika diukur dari segi kesan dan natijah keseluruhannya, kita dapat saksikan betapa sungai dan longkang masih kotor (malah semakin kotor), begitu juga dengan penebangan pokok dan pembakaran terbuka masih berleluasa. Isu pelupusan sampah masih belum ditangani dengan sebaiknya. Malah pelbagai kempen mesra alam seperti inisiatif kitar semula sampah nampaknya tidak berjaya.

Pada hemat saya, promosi dan pendidikan alam sekitar yang diadakan setakat ini memang meriah, pelbagai dan meluas. Bagaimanapun, disebabkan kesannya yang tidak ketara, maka ada baiknya tema dan

strategi lain dikaji untuk diguna pakai. Ketika ini tumpuan program promosi alam sekitar masih berkisar 'sebab dan akibat' serta aspek perundangan. Sementara pemupukan minda, budaya dan falsafah hidup yang lestari jarang sekali dikemukakan. Rasanya tidak salah jika saya rumuskan bahawa promosi alam sekitar ketika ini masih belum menjangkau sempadan minda dan tidak meresapi jiwa sehingga menjadi budaya dan amalan hidup masyarakat.

Biasanya mereka yang bersikap proaktif dan mesra alam dari segi minda dan budaya hidup mempunyai cita rasa dan kefahaman yang sama, biarpun amalan yang mungkin sedikit berbeza. Mereka mencintai keindahan dan kebersihan, sekali gus mengamalkan cara hidup sihat dan mesra alam. Mereka mengamalkan kitar semula barang terpakai, sekali gus membayar bil perkhidmatan pembetulan, menanam pokok, berbasikal dan membeli barang berlabel mesra alam.

Di tempat kerja, mereka adalah pengamal prosedur dan kaedah yang menyumbang ke arah pelestarian alam sekitar, dan menjadi promoter dasar mesra alam dalam organisasi. Begitu juga amalan harian lain yang semestinya juga mesra alam dari segi pemakanan, berpakaian, berkenderaan, beriadah, berkomunikasi dan berkeluarga.

Dengan kata lain, apa yang seharusnya dipromosi bukan sekadar pengetahuan dan kesedaran asas tentang sesuatu isu dari segi saintifik mengenai sebab dan kesan, di samping aspek ekonomi. Malah usaha promosi juga harus menonjolkan pakej cara berfikir, jati diri dan budaya hidup dalam pengertian

yang luas. Ia merangkumi 'pakej kehidupan' sebagai individu, ahli keluarga, ahli organisasi dan anggota masyarakat.

Pakej ini boleh dijelaskan golongan ilmuwan dan penggubal dasar menerusi pelbagai media dan acara. Namun demikian, pada hemat saya, golongan ini bukanlah promoter berwibawa. Wibawa dalam konteks ini ialah kesediaan golongan sasaran untuk menerima pakej cara berfikir dan budaya hidup yang dikemukakan, iaitu mesra alam dan minda lestari kelas pertama.

Sehubungan itu, ada baiknya kita mengambil kira inisiatif yang dilakukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sempena Hari Air Sedunia pada 22 Mac lalu yang menjadikan 'Air dan Budaya' sebagai tema sambutan tahun ini. Tema itu bertujuan merangsang kesedaran melestarikan sumber dan perkhidmatan air dengan pendekatan minda dan falsafah hidup. Nampaknya agensi antarabangsa seperti PBB sendiri mengakui instrumen perundangan tidak begitu berjaya seperti yang diharapkan untuk mempertingkatkan kesedaran awam terhadap pengurusan alam sekitar.

Dengan kata lain, instrumen perundangan dan kaedah saintifik semata-mata tidak dapat memupuk minda lestari kelas pertama. Ia memerlukan dokongan falsafah, budaya dan agama untuk memastikan masyarakat lebih sadar, prihatin dan bertanggungjawab melestarikan alam sekitar.